



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

MAKLUMAN

PELAKSANAAN CABUTAN UNDI

1. Dimaklumkan bahawa sesi undian bagi projek-projek di bawah Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya akan dilaksanakan pada ketetapan berikut ;

Tarikh : 8 Ogos 2023 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi (Pendaftaran)
10.30 pagi (Cabutan Undi)
Lokasi: Dewan Bukit Beruang, MPHTJ

2. Kontraktor -kontraktor yang layak (**Rujuk syarat-syarat yang ditetapkan seperti di Lampiran A**) adalah dijemput untuk menyertai sesi cabutan undi tersebut, **senarai kerja adalah seperti di Lampiran B**
3. Sesi pendaftaran adalah dibuka pada jam **9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** sahaja. **Sebarang alasan kelewatan oleh pihak syarikat selepas jam 10.00 pagi adalah tidak dilayan.** Sesi undian akan dimulakan pada jam **10.30 pagi**. Kerja undi adalah dipelawa kepada syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Sijil Kontraktor Kerja Bertaraf Bertaraf Bumiputera dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan [LPIPM (CIDB)] dalam Kategori dan Pengkhususan yang ditetapkan.

**DATIN SAPIAH BINTI HARON
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**

TARIKH :

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
CABUTAN UNDI**

Kontraktor-kontraktor yang berminat perlu memenuhi serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut :-

1. Kontraktor **GRED G1** dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori pembinaan jalan pavemen dan kerja-kerja am kejuruteraan awam (**CE01 dan CE21**) dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang sah.
2. Kontraktor hendaklah **berdaftar dalam kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya**
3. **Tempoh sah laku** sijil-sijil atau dokumen pendaftaran hendaklah sah semasa tarikh undian
4. Hanya **pemilik lesen yang sah sahaja** dibenarkan untuk menyertai sesi cabutan undi.
5. **Tidak disenarai hitam atau dikenakan tindakan tatatertib** oleh pihak CIDB atau Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
6. Kontraktor berjaya akan dihubungi selepas proses pengundian selesai dijalankan.

LAMPIRAN B**SENARAI KERJA YANG DITAWARKAN**

BIL	PROJEK / KERJA	KOS (RM)
1.	Membaikpulih Sistem Perparitan di Taman Thamby Chik Karim, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
2.	Membaikpulih Sistem Perparitan di Taman Sentosa, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
3.	Membaikpulih Jalan dan Sistem Perparitan di Taman Angkasauri, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
4.	Membaikpulih Jalan di Taman Murai Jaya, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
5.	Membaikpulih Jalan di Taman Saujana Indah, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
6.	Membaikpulih Sistem Perparitan di Taman Puncak, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
7.	Membaikpulih Sistem Perparitan Berhampiran Pangsapuri Bukit Beruang Bistari, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
8.	Membaikpulih Jalan di Taman Beringin, MP Hang Tuah Jaya	100,000.00
9.	Membina Baru 5 Unit Kiosk di Zoo Melaka, MP Hang Tuah Jaya	75,000.00
10.	Membina Baru 5 Unit Kiosk di Dataran Sejarah, MP Hang Tuah Jaya	75,000.00
11.	Membina Baru 10 Unit Kiosk di Melaka Mall, MP Hang Tuah Jaya	150,000.00
12.	Membina Baru 10 Unit Kiosk di Kota Fesyen, MP Hang Tuah Jaya	150,000.00